

14/11/2003

Dr Harun mahu cabar Dr M

KANGAR: Ketua Penerangan Pas Pusat, Datuk Dr Harun Din, berkata beliau akan bertanding kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang sekiranya Tun Dr Mahathir Mohamad masih mahu mengekalkan kerusi itu.

Beliau berkata, sekiranya bekas Perdana Menteri itu tidak mahu mengekalkan kerusi Ahli Parlimen Kubang Pasu seperti yang dijanjikan, beliau juga tidak berminat untuk bertanding di kawasan itu.

"Saya mendapat banyak permintaan untuk bertanding di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Tetapi yang bagusnya di Kubang Pasu.

"(Mungkin) kurang berminat di Kubang Pasu kerana Dr Mahathir dah berhenti. Kalau beliau masih di Kubang Pasu, mungkin saya bertanding di Parlimen sana," katanya selepas merasmikan Dokumen Negara Islam peringkat Perlis di Madrasah Adiniah Islamiyah (Madi) di Jawi, kelmarin.

Harun juga mengesahkan beliau akan bertanding di Perlis pada pilihan raya akan datang tetapi tidak menyebut sama ada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen.

"Saya akan bertanding di Perlis kerana sedikit sebanyak bantu Perlis memenangi banyak kerusi dan tempasnya juga akan pergi ke Kedah.

Beliau berkata, walaupun menerima permintaan supaya bertanding di Kedah, Terengganu dan Kelantan, beliau berpegang pada prinsip mahu bertanding di negeri kelahirannya.

"Pada saya Perlis adalah gelanggang saya, kalau tewas biar saya tewas di tempat sendiri. Saya tak kisah kalau menang atau kalah," katanya.